

21/01/1998

Peralihan wang, aset tempatan masih kecil

Kadir Dikoh

WANG tunai dan aset yang dikeluarkan dari institusi kewangan tempatan untuk disimpan di bank asing tidak harus menimbulkan kebimbangan kerana jumlahnya kecil, kata pegawai kanan Standard Chartered Bank Malaysia Bhd (StanChart).

Ketua Perbankan Peribadi StanChart, Chris Werner, berkata memang ada beberapa peralihan dana tempatan ke institusi asing dan ia kelihatan berada di luar pesisir tetapi jumlah yang disebut adalah terlalu kecil.

"Jika anda melihat angka keseluruhan yang kerajaan sudah sebut dan bandingkannya kepada saiz ekonomi, jumlahnya memang benar-benar kecil. Jadi, saya tidak melihatnya sebagai membimbangkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai peralihan aset tempatan ke dalam bank asing pada sidang akhbar di Kuala Lumpur semalam bagi mengumumkan pelan program bahagian perbankan peribadi bank itu

Terdahulu, beliau menyampaikan hadiah kepada pemenang peraduan tabung pendidikan tinggi StanChart. StanChart Malaysia adalah anak syarikat Standard Chartered Plc di London yang diperbadankan pada 1994.

Baru-baru ini, Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan laporan kononnya wang RM20 bilion dikeluarkan dari institusi kewangan tempatan untuk disimpan di bank-bank asing berikutan kejatuhan nilai ringgit.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, sebelum kegawatan mata wang bermula, kira-kira RM15 bilion dianggar ditempatkan di luar pesisir. Jumlah itu kini dianggarkan sehingga RM20 bilion.

Kejatuhan menjunam nilai ringgit berbanding dolar Amerika dan kebimbangan mengenai kekuatan bank tempatan, menyebabkan beberapa rakyat tempatan dikatakan mengalihkan wang tunai serta aset lain ke dalam bank asing.

Malah, sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyatakan bahawa warga negara harus mempunyai keyakinan dalam ringgit dan bukan menukarkan wang tunai mereka kepada mata wang asing atau menempatkannya di negara luar.

Bagaimanapun, Werner berkata, bukan menjadi minat bank asing untuk melihat arah aliran ke luar negara wang tunai atau aset tempatan dalam jumlah yang lebih besar.

"Kita lebih berminat untuk melihat kestabilan sektor perbankan di Malaysia. Dari apa yang saya amati, banyak bank berada dalam keadaan stabil dan diuruskan dengan baik," katanya.

Menjawab soalan lain, beliau berkata sektor hartanah di negara ini termasuk rumah kediaman khususnya yang berharga RM150,000 ke bawah dijangka terus berkembang di sebalik kegawatan ekonomi yang memaksa sektor pembinaan bergerak perlahan.

Sehubungan itu, katanya, StanChart mahu merebut peluang berkenaan dengan menjadikan pajak gadai sebagai antara perniagaan penting tahun ini.

Mengenai pinjaman tidak berbayar (NPL) bank itu, beliau berkata ia berada di bawah paras empat peratus iaitu masih terkawal di bawah paras industri sebanyak 6.3 peratus.

(END)